

Penyelesaian semua dalam satu untuk pengurusan hartanah



ALLIANZ.COM.MY

Allianz General Insurance Company (Malaysia) Berhad 200601015674 (735426-V)
(Dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia)

STRATA COMMUNITY SHIELD

Di Allianz, kami memahami keperluan dan cabaran berkaitan dengan kehidupan berstrata. Oleh itu, kami komited untuk memberikan ketenangan minda yang selayaknya untuk anda. Memperkenalkan pakej insurans **Strata Community Shield** - penyelesaian insurans komprehensif yang direka khusus untuk Badan Pengurusan Bersama (JMB) atau Perbadanan Pengurusan (MC) yang menyelia hartanah kediaman strata.

Mengapa anda perlukan Strata Community Shield?



Perlindungan komprehensif untuk melindungi risiko yang semakin meningkat dalam mengurus hartanah strata.



Terima bantuan kecemasan tunai sebanyak RM1,000 apabila bangunan anda mengalami kerosakan akibat kebakaran atau banjir.



Melindungi kerugian sewa dan perbelanjaan tempat tinggal sementara untuk tuan rumah dan penyewa akibat kerosakan hartanah yang tidak dapat didiami, dengan bayaran maksima sebanyak RM10,000 setiap bulan sehingga 12 bulan semasa dalam tempoh membaik pulih hartanah.



Menyediakan perlindungan kecurian penuh.



Perlindungan kemalangan diri terhadap penduduk akibat ragut di dalam kawasan yang dilindungi atau dalam jarak 150m sekelilingnya.

Jadual manfaat

Kelas	Kepentingan Yang Diinsuranskan	Jumlah Yang Diinsuranskan (RM)
Kebakaran Komersial - Kerosakan Bahan	Perlindungan ke atas bangunan termasuk semua pemasangan tetap, pengubahsuaian, bangunan luar, hartanah sepunya, loji dan kelengkapan yang diisytiharkan seperti yang terkandung di dalamnya	Perlindungan mandatori – tiada had bagi jumlah yang diinsuranskan. Harga, kontrak polisi seperti dalam Tarif Kebakaran yang Disemak Semula
Keganasan	Melindungi harta benda anda daripada kerugian atau kerosakan disebabkan oleh Tindakan Keganasan dan Sabotaj	RM
Wang Tunai	a) Wang Tunai di dalam premis b) Wang Tunai semasa transit c) Wang Tunai di dalam peti simpanan berkunci	RM RM RM
Pecah Masuk	Ke atas semua kandungan seperti yang diisytiharkan	RM
 Perlindungan lanjutan percuma untuk kecurian penuh		
Kaca	Perlindungan ke atas semua kepingan kaca yang pecah akibat kemalangan atau kejadian yang tidak diingini. Kaca dalaman di dalam unit juga dilindungi, tertakluk kepada premium tambahan	RM
Jaminan Setia	Perlindungan ke atas semua kakitangan dan/atau Jawatankuasa Pengurusan Bersama (JMC) yang telah terpilih	RM
Kerosakkan Jentera	Perlindungan ke atas semua loji, mesin, kelengkapan mekanikal dan perkakas yang diisytiharkan seperti yang terkandung di dalamnya.	RM
Semua Risiko Terhadap	Perlindungan bagi semua peralatan yang terletak di kawasan-kawasan hartanah yang diinsuranskan atau pejabat Badan Pengurusan Bersama (JMB)/ Perbadanan Pengurusan (MC) yang terletak di dalam kawasan hartanah yang diinsuranskan	RM
Liabiliti Awam	Perlindungan bagi kecederaan akibat kemalangan terhadap pihak ketiga termasuk penduduk dan/atau kerosakan hartanah secara tidak sengaja yang dipertanggungjawabkan dari segi undang-undang oleh JMB/MC/Pengurus Hartanah	RM
Kemalangan Diri Berkelompok	Perlindungan kematian atau hilang upaya kekal akibat kemalangan untuk semua JMC, dengan had sebanyak 14 orang pekerja	RM
 Perlindungan lanjutan percuma untuk ragut		
<i>Memberikan pampasan kepada penduduk sehingga RM250 bagi kehilangan barangan peribadi akibat ragut di dalam kawasan yang dilindungi.</i>		
Kesilapan & Kelalaian	Perbuatan salah ke atas bahagian yang diinsuranskan semasa menjalankan urusan sebagai JMB/MC	RM



Nota:

1. Sila pastikan Jumlah Yang Diinsuranskan ke atas bangunan/isi kandungan adalah diinsuranskan secukupnya.
2. Semua bangunan diklasifikasikan sebagai Binaan 1A.

Risalah ini adalah sah mulai 20 Februari 2024.

Risalah ini bukan Kontrak Insurans. Penerangan untuk perlindungan yang diberi hanyalah ringkasan untuk rujukan segera dan mudah. Terma, faedah, syarat dan pengecualian yang tepat adalah seperti yang tertera pada Polisi.

Allianz General Insurance Company (Malaysia) Berhad 200601015674 (735426-V)
(Dilisenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia)

Pusat Khidmat Pelanggan Allianz

Allianz Arena
Ground Floor, Block 2A, Plaza Sentral
Jalan Stesen Sentral 5, Kuala Lumpur Sentral
50470 Kuala Lumpur.
Allianz Contact Centre: 1 300 22 5542
Email: customer.service@allianz.com.my

  AllianzMalaysia

 allianz.com.my

